



Potensi Kuala Sanglang, Perlis sebagai destinasi agropelancongan: Satu kajian tanggapan pelancong

Rosniza Aznie Che Rose¹, Norazimah Terbizi¹, Rosmiza MZ¹, Lyndon N¹, Mokhtar J¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Rosniza Aznie Hj. Che Rose (email: aznie@ukm.edu.my)

Abstrak

Agropelancongan adalah cabang sektor pelancongan di mana aktiviti pelancongan adalah berteraskan pertanian, ternakan, perikanan dan industri asas tani. Kajian ini menilai potensi Ladang Nipah Kipli Kipli sebagai destinasi agropelancongan di Kuala Sanglang, Perlis berdasarkan persepsi pelancong, faktor penolakan dan faktor penarikan, dan mencadangkan langkah yang sesuai bagi memajukan seterusnya Ladang Nipah Kipli. Data primer diperolehi dari hasil soalselidik 80 orang pelancong yang disampel secara rawak mudah dan dianalisis dengan program SPSS versi 2.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa Ladang Nipah Kipli ditanggapi oleh 95 peratus responden sebagai amat berpotensi untuk dijadikan destinasi agropelancongan. Kebanyakan pelancong berkunjung ke Ladang Nipah Kipli untuk menikmati keindahan alam semulajadi sambil menikmati minuman nira nipah segar yang dijual di dalam Ladang Nipah Kipli. Namun, masih terdapat masalah dari segi kekurangan kemudahan infrastruktur, tempat letak kereta yang kecil dan kekurangan tandas. Walau bagaimanapun, pelancong masih lagi ingin berkunjung ke Ladang Nipah Kipli memandangkan kawasan ini menarik dan berpotensi maju sebagai destinasi agropelancongan.

Katakunci: agropelancongan, alam semulajadi, infrastruktruktur, ladang nipah, pelancong, persepsi pelancong

Potentials of Kuala Sanglang, Perlis as an agrotourism destination: A tourist perception study

Abstract

Agrotourism is a tourism sub-sector which focuses on the agricultural elements of farming, livestock, fishery and agro-based industries. This study examines the potential of Nipah Kipli plantation as an agrotourism destination in Kuala Sanglang, Perlis by analysing tourist perception, and the pull and push factors, and suggests measures to ameliorate some of the main problems faced by the relevant authorities in harnessing the plantation's agrotourism potentials. Primary data were gathered from a questionnaire survey of 80 randomly sampled tourists which were analysed using the SPSS version 2.0 programme. The findings revealed that the Nipah Kipli plantation was perceived by 95 percent of the respondents as having a real potential to be an agrotourism destination. The majority of tourists visited the plantation in order to enjoy the beauty of nature while savouring fresh nipah fruit juice (nira) there. However, there were some issues yet to be overcome such as the lack of vehicle parking lots and wash rooms for the convenience and comfort of tourists, which, nonetheless did not distract from the potential of the place to be developed further into a proper agrotourism destination.

Keywords: agrotourism, infrastructure, nature, palm plantations, tourist, tourist perception

Pengenalan

Agropelancongan merupakan aktiviti pelancongan berdasarkan tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani. Agropelancongan telah mula diperkenalkan sejak Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMK-8) oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang merupakan salah satu program di bawah Bahagian Khidmat Sokongan dan Pembangunan Industri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9). Ia dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu agropelancongan tanaman atau ladang, agropelancongan ternakan dan agropelancongan perikanan yang dilaksanakan oleh setiap jabatan atau agensi di bawah Kementerian (Laporan Tahunan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, 2008).

Agropelancongan mempunyai pelbagai kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri dalam menarik para pelancong. Antara kepentingan agropelancongan adalah untuk mengambil peluang daripada keindahan pemandangan, kedamaian desa serta flora dan fauna dapat terus dimajukan secara komersial tanpa menjejaskan alam sekitar bagi tatapan semua lapisan masyarakat yang berada di dalam mahupun luar negara. Keadaan ini akan membawa perubahan yang amat besar khususnya kepada pembangunan industri di kawasan luar bandar. Dasar Agromakanan 2011-2020 telah menggariskan penekanan terhadap pembangunan industri agropelancongan akan dipacu melalui strategi mempelbagaikan produk pelancongan; menyediakan pakej pelancongan yang khusus mengikut negara; memperkuuh kualiti dan keselamatan industri agropelancongan; menaiktaraf kemudahan asas, penginapan dan pengangkutan di pusat agropelancongan; mempromosikan agropelancongan sebagai bidang keusahawanan, menyediakan kalendar dan direktori agropelancongan dan memperkuuhkan kerjasama dalam kalangan *stakeholders* agropelancongan (Laporan Tahunan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2011).

Negeri Perlis merupakan salah sebuah negeri yang mempunyai destinasi agropelancongan yang menarik dan boleh dilawati oleh para pengunjung. Destinasi agropelancongan yang terdapat di negeri Perlis ialah ladang mangga harum manis, ladang tebu, ladang anggur dan sebagainya. Kuala Sanglang merupakan sebuah ladang nipah yang menjadi tarikan pengunjung. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah membantu untuk membangunkan Ladang Nipah Kipli menjadi produk agropelancongan yang lengkap dari segi kemudahan asas. Sebanyak 6,844 orang pengunjung telah berkunjung ke Ladang Nipah Kipli pada tahun 2009 berbanding 4,800 orang pengunjung pada tahun 2008 dan terus meningkat sehingga 11,360 orang pada tahun 2014. Hasil ladang nipah juga turut meningkat pada tahun 2009 iaitu sebanyak RM 20,586 (Laporan Tahunan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, 2009).

Permasalahan kajian

Agropelancongan berdasarkan nipah merupakan salah satu daripada sektor pelancongan yang semakin hari semakin meluas di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Namun begitu, di Malaysia masih mengalami kelemahan dalam pengeluaran produk pelancongan berdasarkan nipah yang mempunyai kepelbagaian yang dapat dihasilkan melalui nipah tersebut. Misalnya, kebanyakan negara luar seperti Indonesia, Singapura, Filipina, Afrika Barat dan Bangladesh menghasilkan produk nipah yang pelbagai kegunaan seperti menghasilkan minuman alkohol, gula, cuka, bahan api, ubatan, atap rumah dan juga sebagai penahan hakisan tanah.

Pada masa ini, Ladang Nipah Kipli hanya menghasilkan produk nipah yang berdasarkan air nira nipah, jeli nipah dan cuka nipah sahaja tanpa memperkembangkan penggunaannya dan memasarkannya serata tempat. Hasil pendapatan sehingga akhir Oktober 2014 yang diterima oleh pengusaha pengeluaran nira nipah di Ladang Nipah tersebut adalah sebanyak RM 78,000 (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, 2014). Kajian ini cuba mencungkil potensi-potensi yang lain yang terdapat di Ladang Nipah Kipli untuk dipasarkan ke dalam negara mahupun luar negara pada masa akan datang bagi meningkatkan lagi pengeluaran produk nipah yang pelbagai. Pada masa yang sama, dengan peningkatan produk lain

berasakan nipah di Ladang Nipah Kipli, ia dapat menarik lebih ramai pengunjung untuk datang ke ladang tersebut disebabkan faktor penarikan yang pelbagai dalam usaha membangunkan Ladang Nipah Kipli.

Skop dan metod kajian

Skop kajian melibatkan skop bidang kajian, responden, kawasan kajian dan masa. Skop kajian ini mengkhusus mengenai kajian yang bersifat lokal/ mikro dari segi bidang kajian, masa, responden dan kawasan kajian iaitu bersifat setempat dan tidak umum. Kajian ini bertumpu kepada potensi Ladang Nipah Kipli sebagai destinasi agropelancongan di negeri melibatkan 80 responden yang berumur 21 tahun ke atas yang dipilih secara rawak. Pemilihan sampel berdasarkan populasi yang bersifat homogen iaitu penyelidik hanya memerlukan sampel yang kecil kerana ia sudah mencukupi untuk memberi gambaran kuantitatif dan menyeluruh bagi populasi ini (Tan Poo Chang & Halimah Awang, 1994). Bagi skop kawasan kajian pula, kajian ini dijalankan di Kampung Tanah Timbul, Kuala Sanglang Perlis. Pemilihan kawasan ini adalah untuk melihat faktor-faktor penarikan dan penolakan yang terdapat di Ladang Nipah Kipli, Kuala Sanglang Perlis.

Kaedah utama adalah melalui pengumpulan data primer yang melibatkan kaedah pemerhatian, temubual terhadap pengunjung dan soal selidik. Data tersebut diperolehi daripada hasil kerja lapangan yang dilakukan oleh pengkaji di lokasi yang dipilih. Kaedah pemerhatian ini dilakukan oleh pengkaji untuk melihat sendiri kawasan Ladang Nipah Kipli, Kuala Sanglang Perlis yang berpotensi dibangunkan sebagai destinasi agropelancongan di negeri Perlis. Pada masa yang sama, pengkaji memperolehi gambaran secara terperinci tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan perkembangan produk agropelancongan berasaskan nipah di ladang tersebut. Pengkaji berpeluang melihat sendiri tentang cara-cara pengambilan air nira dari pokok nipah yang terdapat di ladang tersebut. Pengkaji turut menggunakan kaedah temubual bagi mendapatkan data secara lebih terperinci tentang kawasan kajian yang dikaji. Temubual dilakukan terhadap Pegawai Pertanian Industri Asas Tani Dan Bukan Padi, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Wilayah 1, Perlis di samping pengusaha ladang nipah iaitu Encik Kipli bin Sulaiman. Beliau merupakan pemilik Ladang Nipah Kipli, Kuala Sanglang Perlis. Selain itu, pengkaji menjalankan kajian menggunakan instrument soal selidik terhadap para pengunjung yang datang ke ladang nipah tersebut. Melalui kaedah tersebut, pengkaji mendapat maklum balas yang positif oleh para pengunjung terhadap penubuhan ladang nipah ini sebagai destinasi agropelancongan.

Kawasan kajian

Negeri Perlis merupakan sebuah negeri yang paling kecil di Semenanjung Malaysia dan kedudukannya adalah di sebelah utara semenanjung Malaysia, iaitu kira-kira 500 km dari Kuala Lumpur. Negeri Perlis terletak bersempadan dengan negara Thailand iaitu jarak sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand dan dianggarkan sejauh 99.57 km dan berjiran dengan negeri Kedah dengan jarak sempadan 47.43 km. Manakala ukuran pantai sehingga 20.91 km dan keluasannya meliputi 81,931.20 hektar iaitu kira-kira 819 km² dan mempunyai tiga pintu keluar-masuk utama yang menjadi tumpuan pelancong ke negara jiran iaitu Kuala Perlis, Wang Kelian dan Padang Besar. Perlis mempunyai tiga kawasan Parlimen serta 15 kawasan Dewan Undangan Negeri. Perlis mempunyai 22 mukim yang terletak dibawah penyeliaan penghulu dan mengandungi 265 buah kampung. Sumber ekonomi utama negeri Perlis ialah penanaman padi dan tebu. Perlis juga terkenal dengan tanaman buah mangga siam yang manis serta harum.

Negeri Perlis Indera Kayangan juga merupakan sebuah negeri yang unik dan mempunyai kelebihan berbanding negeri-negeri lain di Malaysia terutama daripada aspek fizikal dan sosiobudaya masyarakatnya. Negeri Perlis turut mengorak langkah memajukan industri pelancongan dan telah mengalami banyak perubahan sejak beberapa tahun yang lalu. Menurut Laporan Jabatan Penerangan Malaysia (2011/2012), negeri kecil ini mempunyai "Tujuh Pesona" tersendiri yang menggantikunungan. Pesona tersebut ialah;

panorama (Ladang Tebu Chuping, Empangan Timah Tasoh); Taman Ular dan Reptilia Perlis; Harumanis; makanan Perlis (Laksa Kuala Perlis, makanan laut); tarikan sempadan (Padang Besar, Pasar Ahad Wan Kelian); seni suara burung (tekukur dan merbok); dan pengembalaan hutan (Taman Negeri, Gua Wang Burma). Jumlah kedatangan pelancong ke negeri Perlis pada tahun 2010 adalah seramai 718,258 orang meningkat kepada 908,472 orang pada tahun 2011 dan sedikit menurun pada 2012 iaitu seramai 678,792 orang (Jabatan Imigresen Negeri Perlis, 2012, Laporan Tahunan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2012; Laporan Tahunan Kementerian Pelancongan Malaysia, 2012).

Sejarah Kuala Sanglang

Kuala Sanglang (Rajah 1) merupakan sebuah kawasan perkampungan yang terletak di antara selatan Perlis dan di bahagian utara Kedah. Sekitar awal tahun 50-an, Kuala Sanglang terkenal sebagai pelabuhan nelayan utama di negeri Perlis. Pada asalnya, Sanglang yang berpusat di Kuala Sanglang merupakan satu mukim di dalam negeri Kedah. Kerajaan Siam telah mengambil negeri Perlis dan membahagikan mukim Sanglang kepada dua; iaitu satu di negeri Kedah yang meliputi Kampung Tok Mengkula, Kampung Sanglang hingga ke Kuala Jerlun. Manakala, di negeri Perlis meliputi kawasan dari Kuala Sanglang ke Simpang Empat.


Asal usul nama Kuala Sanglang yang diriwayatkan oleh Tok Penghulu Said bin Jaafar bin Enjang (1860–1960) berasal dari perkataan “sarang helang” yang terdapat banyak di Kuala Sungai. Sebutan Kuala Sarang Helang lama kelamaan berubah menjadi Kuala Sanglang. Menurut cerita-cerita dahulu, dikatakan ada sebuah keluarga nelayan Cina yang tinggal di kawasan tersebut dan mendapat hasil tangkapan yang banyak. Keadaan ini menarik lebih ramai orang untuk datang ke situ. Kampung Kuala Sanglang berkembang menjadi Sungai Baru, Kampung Masjid dan Kuala Sanglang, Perlis (Maruwiah Ahmad, 2008).

Kuala Sanglang menjadi sempadan dan pengkalan yang sangat penting. Pada masa jajahan British telah menempatkan pondok polis di kedua belah sempadan yang lengkap dengan kawalan pihak kastam. Kepentingan Kuala Sanglang menurun walaupun ia masih menjadi lebuh raya laut dari Kuala Sanglang ke Kuala Kedah dengan perkhidmatan bot tambang dari Sungai Baru ke Kuala Kedah. Selepas pembinaan jalan raya dari Simpang Empat, Perlis yang merentasi Kampung Sanglang ke Alor Setar telah menyebabkan peranan Kuala Sanglang semakin merosot dan kekal sebagai kampung nelayan. Walaubagaimanapun, penambahan penduduk dan perpindahan dari tempat lain sejak 50 tahun dahulu menjadikan kawasan Kuala Sanglang berkembang empat kali ganda pada asalnya dan dikenali sebagai pusat perkhidmatan kecil pada hari ini.

Latar belakang kawasan kajian

Lokasi Ladang Nipah Kipli terletak di No 282, Kampung Tanah Timbul, 02800 Sanglang Perlis. Kampung Tanah Timbul merupakan sebuah kampung terpencil dan terletak di hutan paya nipah pinggir pantai Kuala Sanglang, Perlis. Ladang Nipah Kipli ini dimiliki oleh seorang usahawan tani iaitu Encik Kipli bin Sulaiman dibawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA, 2015). Dahulunya, Ladang Nipah Kipli merupakan sebidang tanah rizab yang berada berhadapan dengan rumah Encik Kipli untuk dan tempat menanam sayur-sayuran. Namun, Encik Kipli telah bertungkus lumus membersihkan kawasan rizab dan menanam nipah dan akhirnya dijadikan destinasi agropelancongan. Kedudukan Ladang Nipah Kipli adalah bersempadan dengan negeri Kedah. Ladang nipah tersebut berada berhampiran dengan tepi laut Kuala Sanglang dengan Kuala Perlis. Jarak dari Alor Setar ke Ladang Nipah Kipli mengambil masa kira-kira 30 km dan dari Kuala Perlis adalah kira-kira 15 km. Manakala, jarak perjalanan dari Pekan Kuala Sanglang untuk sampai ke Ladang Nipah tersebut adalah kira-kira 10 minit. Geografi koordinat bagi Ladang Nipah Kipli, Kuala Sanglang, Perlis ialah $6^{\circ}15'53.06''$ Utara, $100^{\circ}11'31.31''$ Timur. Ladang Nipah Kipli mempunyai keluasan kira-kira 1.6 hektar dengan jumlah lebih 3 000 buah pokok nipah di dalamnya (Fauzi 2014). Ladang Nipah Kipli merupakan salah sebuah ladang nipah yang

berkonseptan riadah dan santai. Keunikan yang terdapat di Ladang Nipah Kipli ini adalah pengunjung dapat menikmati kesegaran air nira nipah, jeli nira dan Laksa Kuala Perlis dibawah rimbunan pohon nipah di sekelilingnya. Ladang Nipah Kipli turut menyediakan tempat minum air nira berkonseptan pangkin santai terbuka termasuk buaian *hammock* di celah-celah ladangnya.



Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis, 2012; Majlis Perbandaran Kangar, 2015.

Rajah 1. Peta Kuala Sanglang, Perlis

Hasil kajian dan perbincangan

Ciri demografi pelancong

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan, dapatan kajian mendapati bahawa pelancong lelaki lebih ramai iaitu sebanyak 53.8 peratus, diikuti pelancong perempuan sebanyak 46.3 peratus. Menerusi kajian yang telah dibuat, jelaslah bahawa pelancong lelaki lebih sukakan aktiviti dan destinasi pelancongan yang berkonseptan alam semulajadi dan santai berbeza dengan pelancong wanita lebih gemar pelancongan berdasarkan membeli-belah. Responden yang paling ramai berkunjung ke Ladang Nipah Kipli, Kuala Sanglang, Perlis adalah dalam kumpulan umur antara 21 tahun hingga 30 tahun iaitu sebanyak 51.3 peratus yang terdiri daripada golongan muda. Kumpulan umur 21 tahun hingga 30 tahun lebih suka berkunjung ke sesuatu destinasi pelancongan yang baru. Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti mempunyai masa yang terluang, suka melancong dan menyelami keindahan alam semulajadi yang terdapat di Ladang Nipah Kipli. Kumpulan responden yang paling sedikit berkunjung ke Ladang Nipah Kipli, Kuala Sanglang, Perlis adalah antara berumur 41 tahun hingga 50 tahun. Golongan ini tidak ramai berkunjung ke kawasan kajian adalah disebabkan oleh ketiadaan masa untuk berkunjung dan lebih banyak menghabiskan masa bersama keluarga di rumah.

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan, hasil dapatan dalam aspek jenis pekerjaan pelancong, mendapati bahawa pekerjaan yang paling tinggi adalah kakitangan kerajaan yang mewakili sebanyak 33.8

peratus berbanding pelancong yang bekerja di sektor swasta iaitu 18.8 peratus, diikuti pelancong yang bekerja sendiri iaitu 20 peratus, dan seterusnya lain-lain pekerjaan sebanyak 17.5 peratus dan akhir sekali pelancong yang bekerja sebagai bermiaga sendiri iaitu sebanyak 10 peratus.

Penilaian pelancong terhadap potensi Ladang Nipah Kipli sebagai destinasi agropelancongan

Hasil dapatan mendapati bahawa sebanyak 95 peratus iaitu sebanyak 76 pelancong berpendapat bahawa kawasan Ladang Nipah Kipli sesuai untuk dijadikan destinasi agropelancongan di negeri Perlis. Hal ini kerana, sebahagian besar pelancong yang ditemubual menyatakan bahawa kawasan kajian ini berpotensi untuk menjadi daya tarikan kepada pelancong yang datang berkunjung. Sebaliknya, hanya 5 peratus iaitu sebanyak 4 orang responden berpendapat bahawa Ladang Nipah Kipli tidak sesuai untuk dijadikan destinasi agropelancongan.

Terdapat pelbagai faktor yang menarik kedatangan pelancong ke Ladang Nipah Kipli, Kuala Sanglang, Perlis. Antaranya faktor keindahan alam semulajadi, perbelanjaan murah, berhampiran dengan jeti, darjah ketersampaian tinggi, menikmati air nira segar, berhampiran dengan pantai dan kawasan perkhemahan. Faktor tarikan yang paling utama ialah faktor keindahan alam semulajadi. Sebanyak 27.5 peratus pelancong iaitu seramai 22 orang menyatakan faktor tarikan utama yang terdapat di kawasan tersebut adalah keindahan alam semulajadi dan pemandangan yang menarik dan cantik. Hal ini kerana, terdapat pokok-pokok nipah di sekeliling kawasan yang menyebabkan kawasan tersebut menjadi redup dan nyaman. Rimbunan pohon-pohon nipah meliar melatari tebing mencorakkan alam semulajadinya (Foto 1). Faktor kedua yang menjadi tarikan pelancong adalah disebabkan dapat menikmati air nira yang segar. Sebanyak 20 peratus pelancong yang diwakili oleh 16 orang menyatakan air nira yang menjadi pendorong mereka untuk ke sana. Hal ini kerana, rata-rata pelancong yang ditemubual menyatakan Ladang Nipah Kipli merupakan pengeluar kepada air nira yang segar lagi berkualiti dan asli.



Sumber: Kerja Lapangan, Januari 2015

Foto 1. Suasana di dalam Ladang Nipah Kipli

Faktor ketiga yang tertinggi ialah berhampiran dengan Pantai Kuala Perlis. Sebanyak 16.3 peratus pelancong menyatakan Ladang Nipah Kipli terletak berhampiran dengan Pantai Kuala Perlis. Hal ini membuktikan bahawa jika seseorang pelancong yang ingin berkunjung ke Ladang Nipah Kipli, pada masa yang sama seseorang itu dapat bersiar-siar ke Pantai Kuala Perlis. Seterusnya, sebanyak 10 peratus pelancong menyatakan perbelanjaan yang murah merupakan turut menjadi tarikan kerana tidak dikenakan sebarang pembayaran untuk masuk ke dalam kawasan tersebut melainkan hanya makanan dan minuman sahaja yang perlu dibeli semasa berada di dalam ladang tersebut. Harga makanan dan minuman yang dijual di dalam ladang nipah adalah sangat murah dan berpatutan. Selain itu, hasil dapatan kajian mendapati sebanyak 8.8 peratus pelancong menyatakan faktor tarikan yang terdapat di Ladang Nipah Kipli adalah disebabkan ia berhampiran dengan jeti Kuala Perlis. Ini bermakna, sebahagian pelancong

yang dalam perjalanan ke jeti Kuala Perlis untuk pergi ke Pulau Langkawi mempunyai kesempatan untuk singgah ke Ladang Nipah Kipli sebelum meneruskan perjalanan.


Jenis produk nipah dan kelebihannya

Terdapat beberapa jenis produk yang dihasilkan berdasarkan nipah di Ladang Nipah Kipli serta kelebihannya yang tersendiri. Misalnya, air nira nipah, cuka nipah, jeli nipah, atap nipah, aiskrim nipah, gula nipah, bahan api, alkohol, pembiakan hidupan bakau, perubatan, pembungkus rokok, *cream puff*, kek dan lain-lain produk. Berdasarkan Rajah 2, kajian mendapati sebanyak 26.3 peratus pelancong menyatakan air nira nipah merupakan salah satu yang produk nipah yang dikeluarkan dari ladang tersebut. Sebahagian besar responden yang pergi ke ladang tersebut menyatakan air nira nipah merupakan yang paling segar boleh didapati disitu. Kelebihan air nira nipah ini ialah ia dapat menyegarkan badan seseorang individu yang meminumnya. Bahkan juga, air nira ini dikatakan lebih berkhasiat daripada nira kelapa atau tebu.

Sebanyak 15 peratus pelancong menyatakan produk nipah ini boleh digunakan untuk tujuan perubatan. Responden berpendapat bahawa penyakit seperti sakit kepala dan sakit gigi boleh diubati dengan produk nipah ini. Bahkan juga ia mempunyai potensi yang sangat tinggi dalam mempertingkatkan tenaga fizikal dan tahap stamina seseorang. Seterusnya, sebanyak 11.3 peratus pelancong menyatakan produk yang digemari ialah cuka nipah. Cuka nipah ini atau lebih dikenali sebagai cuka padi akan diperam selama 40 hari dan dibuat pada musim kemarau. Ia dapat digunakan dalam masakan, malah digunakan sebagai ubat bagi penyakit seperti darah tinggi, kencing manis, batu karang, gout dan mencuci buah pinggang. Bahkan juga, menurut responden cuka nipah ini boleh menguruskan badan seseorang. Di samping itu, sebanyak 8.8 peratus pelancong menyatakan produk yang dihasilkan dari ladang tersebut adalah seperti jeli nipah, gula nipah dan pembungkus rokok. Pembungkus daun rokok juga merupakan antara produk nipah yang dihasilkan daripada pucuk nipah yang telah dipotong pucuknya untuk mengeluarkan daun muda, dijemur hingga kering untuk dijadikan rokok daun yang sangat popular dalam kalangan masyarakat khususnya golongan tua (Ismail, 2001). Ketiga-tiga produk ini mempunyai peratus yang sama banyak. Antara kelebihan jeli nipah kepada pengunjung yang datang ialah ia dijadikan sebagai bahan makanan yang menggantikan jeli kelapa kepada jeli nipah. Rasanya amat sedap dan sesuai dimakan pada waktu tengah hari.

Manakala kelebihan gula nipah pula ialah ia merupakan bahan perasa kepada sesuatu masakan. Nira ini dikeringkan dan dimasak dahulu sebelum dijadikan gula nipah (*palm sugar*). Ia digunakan di dalam minuman ais kacang, cendol dan dijadikan perasa dalam membuat kuih muih. Pihak pengusaha ladang hanya membuat gula nipah ini apabila dapat permintaan oleh pengunjung sahaja. Selain itu, sebanyak 5 peratus responden menyatakan atap nipah, aiskrim (diperbuat daripada biji muda nipah), dan bahan bakar alternatif (*ethanol*) merupakan produk berdasarkan yang berpotensi dibangunkan. Bagi pelancong, atap nipah dijadikan bumbung untuk sesuatu binaan. Ia diperbuat daripada daun nipah yang berwarna hijau seperti daun kelapa dan daun nipah ini dilipat di atas sebilah buluh kemudian disisip dengan menggunakan bilahan bemban. Atap yang telah disisip dapat dijadikan atap rumah dan pondok. Kelebihan bumbung beratapkan nipah ini menyebabkan tempat berteduh tidak akan terasa panas. Pelepah nipah juga boleh dibuat lantai rumah dan bahan kayu api.

Sebanyak 2.5 peratus pelancong turut menyatakan ladang nipah tersebut sesuai dijadikan tempat pembiakan hidupan. Hal ini kerana, habitat bakau yang semulajadi menjadi tempat tinggal kepada spesies ketam bakau, udang, ikan air tawar dan ikan pelaga yang menjadi ikan peliharaan yang cantik dengan berbagai warna dan habitat siput. Secara tidak langsung ia dapat menyederhanakan suhu di kawasan ladang tersebut dan membantu rantaian makanan serta tidak menjelaskan ekosistem nipah.



Sumber: Kajian Lapangan, Januari 2015

Rajah 2. Produk nipah dan kelebihannya

Kemudahan infrastruktur di Ladang Nipah Kipli, Kuala Sanglang, Perlis

Penyediaan kemudahan infrastruktur di Ladang Nipah Kipli, Kuala Sanglang, Perlis sangat penting bagi membangunkan destinasi agropelancongan di ladang tersebut (Mokhtar, 1995). Kemudahan infrastruktur di Ladang Nipah Kipli dapat dilihat dalam beberapa aspek iaitu dari segi bekalan air, tandas awam, bangku rehat, gerai makan, surau, tong sampah, tempat letak kereta, kemudahan telefon, maklumat untuk pelancong serta kedai cenderamata. Berdasarkan Jadual 1, keseluruhan pelancong menyatakan kepuasan terhadap kemudahan yang disediakan kecuali telefon. Keadaan ini adalah sesuai dengan pemilikan telefon dalam kalangan pengunjung menjadikan ia bukan lagi kemudahan yang diutamakan dalam pembangunan sesebuah destinasi pelancongan.

Jadual 1. Tahap kepuasan pelancong terhadap kemudahan di Ladang Nipah Kipli, Kuala Sanglang, Perlis

Kemudahan infrastruktur	Sangat Memuaskan (%)	Memuaskan (%)	Tidak Pasti (%)	Tidak Memuaskan (%)	Sangat Tidak Memuaskan (%)
Bekalan Air	13.8	72.5	13.8	0	0
Tandas Awam	11.3	62.5	18.8	7.5	0
Bangku Rehat	41.3	53.8	3.8	1.3	0
Gerai Makanan/ Minuman	37.5	58.8	3.8	0	0
Surau	17.5	61.3	61.3	3.8	0
Tong Sampah	17.5	76.3	3.8	2.5	0
Tempat Letak Kereta	11.3	51.3	1.3	30	0
Kemudahan Telefon	8.8	43.8	3.8	38.8	5.0
Maklumat Untuk Pelancong	11.3	57.5	28.8	2.5	0
Kedai Cenderamata	2.5	32.5	46.3	13.8	5.0

Sumber: Kajian Lapangan, Januari 2015

Cadangan penambahbaikan dalam memajukan Ladang Nipah Kipli sebagai destinasi agropelancongan

Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan dalam memajukan Ladang Nipah Kipli sebagai destinasi agropelancongan.

Cadangan penambahbaikan yang pertama ialah menyediakan kemudahan infrastruktur yang lebih baik. Sebanyak 52.5 peratus pelancong menyatakan setuju terhadap cadangan untuk menambahbaikan kemudahan infrastruktur seperti tandas, surau dan tempat letak kereta. Sebahagian besar pelancong mencadangkan agar pihak pengusaha Ladang Nipah Kipli menambah bilangan tandas, memperbesarkan surau serta tempat letak kereta bagi memudahkan para pelancong yang datang berkunjung ke Ladang Nipah Kipli. Sementara itu, hanya 1.3 peratus pelancong sahaja yang menyatakan sangat tidak setuju terhadap penambahbaikan kemudahan infrastruktur di ladang tersebut. Hal ini kerana segelintir daripada pelancong menyatakan kemudahan yang sedia ada cukup memadai dengan keluasan Ladang Nipah Kipli.

Cadangan penambahbaikan yang kedua ialah menyediakan tempat penginapan yang banyak dan selesa di kawasan berhampiran dengan Ladang Nipah Kipli. Sebanyak 48.8 peratus pelancong menyatakan setuju terhadap cadangan tersebut. Dengan adanya tempat penginapan di sekitar kawasan ladang tersebut, ia dapat menarik minat pelancong untuk berkunjung ke Ladang Nipah Kipli pada suatu masa nanti. Tetapi, hanya 12.5 peratus pelancong menyatakan tidak pasti tentang cadangan untuk menyediakan tempat penginapan di sekitar kawasan ladang tersebut. Hal ini kerana, rata-rata pelancong yang datang tidak memerlukan penginapan dan pelancong yang menyatakan sebegini adalah pelancong yang tinggal berhampiran dengan Ladang Nipah Kipli atau berasal dari negeri yang berdekatan dengan negeri Perlis iaitu negeri Kedah. Selain itu, menyediakan lebih banyak gerai makanan dan minuman yang pelbagai juga merupakan salah satu cadangan penambahbaikan dalam memajukan Ladang Nipah Kipli sebagai destinasi agropelancongan. Sebanyak 51.3 peratus pelancong menyatakan setuju jika terdapat pelbagai makanan dan minuman yang disediakan di ladang tersebut serta pelancong yang datang dapat memilih dan membeli makanan yang menjadi pilihan di hati mereka. Sementara itu, hanya 3.8 peratus pelancong menyatakan tidak pasti tentang cadangan untuk menyediakan lebih banyak gerai makanan dan minuman di Ladang Nipah Kipli.

Di samping itu, cadangan penambahbaikan dalam memajukan Ladang Nipah Kipli sebagai destinasi agropelancongan ialah menyediakan lebih banyak aktiviti yang menarik di dalam ladang tersebut. Sebanyak 48.8 peratus pelancong menyatakan setuju terhadap cadangan mempelbagaikan aktiviti yang menarik di dalam Ladang Nipah Kipli. Antara aktiviti yang boleh dilakukan dan diperkenalkan adalah seperti aktiviti tentang cara-cara mengambil air nira di pokok nipah, menanam pokok nipah, aktiviti perkhemahan, belajar membuat anyaman ataupun menggunakan daun nipah dan aktiviti berbasikal di dalam ladang. Bahkan juga, sebarang majlis seperti majlis hari jadi, pertunangan dan perkahwinan juga dapat dilakukan di dalam Ladang Nipah tersebut. Sebaliknya, hanya 6.3 peratus pelancong menyatakan tidak pasti terhadap cadangan mempelbagaikan aktiviti tersebut.

Seterusnya, cadangan dengan menambahbaikan produk nipah yang pelbagai hasil daripada ladang. Sebanyak 47.5 peratus pelancong mempunyai peratusan yang sama dan tinggi yang menyatakan setuju dan sangat setuju terhadap cadangan untuk menambah pelbagai jenis produk nipah. Antara produk nipah yang boleh diperkenalkan adalah seperti ais krim nipah, nata nipah, kek nipah, madu nipah, kerepek nipah, biskut nipah, coklat perisa nipah, jem nipah, jus nipah serta barang kraftangan yang pelbagai seperti bakul, tikar dan beg buatan dari pokok nipah. Ia juga boleh dijadikan bahan yang menarik dalam gubahan. Misalnya, bunga nipah yang telah dikeringkan digubah menjadi hiasan di rumah. Dengan adanya pelbagai jenis produk nipah yang dihasilkan, ia dapat menarik lebih ramai lagi pelancong untuk datang berkunjung ke Ladang Nipah Kipli. Namun, hanya 5 peratus pelancong menyatakan tahap tidak pasti tentang cadangan untuk menambahbaikan produk nipah.

Cadangan terakhir ialah mempromosikan Ladang Nipah Kipli dengan lebih giat dan aktif. Sebanyak 62.5 peratus pelancong menyatakan sangat setuju dan 37.5 peratus pelancong menyatakan setuju mengenai cadangan mempromosikan Ladang Nipah Kipli dengan lebih giat. Hal ini dapat dilihat apabila

sebahagian besar pelancong berpendapat bahawa dengan adanya promosi tentang kewujudan Ladang Nipah Kipli sebagai destinasi agropelancongan yang baru, ia dapat membangunkan dan memperkenalkan Ladang Nipah Kipli ke serata tempat. Antara bentuk promosi yang boleh dijalankan adalah melalui media cetak, media elektronik dan media alternatif seperti internet. Misalnya, melalui media cetak, pihak pengusaha Ladang Nipah Kipli serta pihak MADA boleh mengedarkan risalah dan brosur mengenai Ladang Nipah Kipli yang dijadikan destinasi agropelancongan kepada orang ramai. Maklumat yang dierahkan mestilah dalam pelbagai bahasa yang boleh difahami seperti bahasa Inggeris, Cina dan India. Bahkan juga pihak yang bertanggungjawab seperti agensi pelancongan negeri Perlis dan pihak MADA mengambil inisiatif untuk memuatnaik pelbagai gambar dan video yang menarik dan cantik agar pelancong berasa lebih teruja untuk datang ke Ladang Nipah Kipli.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, sektor pelancongan merupakan sebuah industri yang ‘multisector’. Sektor pelancongan merupakan sektor yang semakin penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia dan menyumbang kepada pendapatan negara serta pertumbuhan sesebuah negara. Ini terbukti apabila sektor pelancongan dapat menyumbang pelbagai manfaat dan faedah kepada destinasi-destinasi pelancongan yang terdapat di Malaysia. Lazimnya, sektor pelancongan ini disokong oleh produk-produk pelancongan. Selain itu, sektor pelancongan ini memberi banyak faedah kepada masyarakat seperti mewujudkan peluang pekerjaan, memberi manfaat kepada peningkatan negara sekaligus berlaku peningkatan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Bahkan juga, sektor pelancongan juga dapat menjana kemasukan pelaburan asing serta dapat mempromosikan imej Ladang Nipah Kipli sebagai tarikan baru destinasi agropelancongan. Justeru itu, aspek perancangan dan pembangunan pelancongan seperti penambahbaikan kemudahan-kemudahan infrastruktur serta penambahbaikan terhadap produk keluaran nipah perlu dilaksanakan bagi meningkatkan tahap potensi Ladang Nipah Kipli sebagai destinasi agropelancongan di negeri Perlis. Secara tidak langsung, ia dapat mempengaruhi permintaan dan kepuasan para pelancong untuk datang berkunjung ke Ladang Nipah Kipli pada masa akan datang.

Rujukan

- Agrotour MARDI (2014) Pembangunan Agropelancongan di Malaysia. Seminar Kebangsaan Agropelancongan 2014, pp.14-35.
- Fauzi Ahmad (2014) Lokasi Ladang Nipah Kipli Kuala Sanglang [Cited 21/08/2015]. Available from: <http://www.fauziahmad.net/2014/01/lokasi-ladang-nipah-kipli-kuala-sanglang.html>.
- Ismail R (2001) Perusahaan Membuat rokok pucuk nipah. [Cited 21/08/2015]. Available from: myrepository.pnm.gov.my.
- Mokhtar, A. K. (1995). Proses Penghasilan Manisan Nipah dan Kegunaannya. [Cited 21/08/2015]. Available from: myrepository.pnm.gov.my
- Laman Web Rasmi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) (2015) Pelancongan Agro Ladang Nipah Kipli. [Cited 1/1/2015]. Available from: http://www.mada.gov.my/ladangnipah_kipli.
- Laporan Tahunan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (2008) Bahagian Agropelancongan. Penerbit Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Putrajaya.
- Laporan Tahunan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (2009) Bahagian Agropelancongan. Penerbit Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Putrajaya.
- Laporan Tahunan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (2011) Bahagian Agropelancongan. Penerbit Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Putrajaya.

- Laporan Tahunan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (2012) Bahagian Agropelancongan.
Penerbit Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Putrajaya.
- Laporan Tahunan Kementerian Pelancongan Malaysia (2012) Bahagian Statistik Pelancong. Penerbit
Kementerian Pelancongan Malaysia, Putrajaya.
- Laman Web Rasmi Majlis Perbandaran Kangar (2015) Lokasi Pelancongan Agro. [Cited 1/1/2015].
Available from: <http://www.mpkangar.gov.my/home>.
- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Ladang Nipah Kipli. [Cited 25/10/2014]. Available from:
<http://www.mada.gov.my/industri>.
- Lembaga Kemajuan Petanian Muda (MADA). Asas Tani Bukan Padi. [Cited 25/10/2014]. Available
from: <http://www.mada.gov.my/industri>.
- Maruwiah Ahmad (2008) *Kenali negeri kita: Perlis Darul Sunnah*. KARISMA Publication, Shah Alam.
- Tan Poo Chang, Halimah Awang (1994) *Pengenalan statistik*. Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur.